

405 no 4/10/1/2010

Mangsa MIS 13 rogol bawah umur catat 188 kes

KOTA BHARU - Seramai 188 mangsa rogol daripada keseluruhan 313 kes jenayah seksual itu di negeri ini sepanjang tahun lalu memabitkan gadis bawah umur.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Abdul Rahim Hanafi berkata, lebih menyedihkan sebanyak 23 mangsa berusia di bawah 12 tahun.

"Kita mengambil serius hal ini kerana gadis di bawah umur semakin menjadi mangsa," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis minum pagi bersama media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan di sini semalam.

Menurutnya, jumlah kes rogol di negeri ini meningkat sebanyak 26 peratus pada tahun lepas berbanding tahun sebelumnya.

Dalam tempoh Januari sehingga Disember tahun lepas, katanya, sebanyak 313 kes dilaporkan berbanding 250 kes tahun sebelumnya.

Katanya, peningkatan statistik tersebut disumbangkan oleh gadis bawah umur sebanyak 60 peratus.

Abdul Rahim memberitahu, peningkatan sebanyak 63 kes rogol adalah disebabkan kurang kawalan ibu bapa terhadap anak-anak terutama yang masih bersekolah.

"Semua ini berpunca daripada kurangnya pengawasan terhadap anak-anak mereka.

"Ini menyebabkan sebahagian besar yang menjadi mangsa ialah kanak-kanak di bawah umur," ujarnya.

Dalam perkembangan lain, Abdul Rahim memberitahu, secara keseluruhan indeks jenayah di negeri ini menurun sebanyak enam peratus berbanding sasaran yang ditetapkan sebanyak lima peratus.

Jelasnya, jumlah keseluruhan indeks jenayah di negeri ini ialah sebanyak 7,306 kes pada tahun lepas berbanding 7,749 pada 2008.

Menurutnya, daripada jumlah itu, sebanyak 3,645 kes telah diselesaikan pada tahun 2009 berbanding 3,886 tahun sebelumnya.

"Ini menunjukkan kita telah menyelesaikan kira-kira 50 peratus kes pada tahun lepas dan melebihi sasaran Bukit Aman sebanyak 40 peratus," katanya.